

Bayaran khas RM3,000 disambut baik
Utusan Online
October 10, 2011

KUCHING 9 Okt. - Bayaran khas RM3,000 kepada bekas anggota keselamatan yang berkhidmat semasa darurat menerusi Bajet 2012 yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak disifatkan sebagai berita gembira dan pastinya disambut baik oleh mereka yang terlibat.

Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, sebenarnya perkara tersebut telah diusahakan sejak 2001 lagi dan pengumuman tersebut menunjukkan usaha mereka selama ini telah tercapai.

"Sebagai seorang bekas polis, saya hampir 'menumbuk' meja (gembira) sebaik sahaja mendengar pengumuman tersebut kerana usaha kami selama ini akhirnya berhasil.

"Ini kerana semua bekas polis dan askar yang pernah berkhidmat semasa darurat akan diberikan bayaran khas sebanyak RM3,000," katanya

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1010&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_10.htm